



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

GAYA DAKWAH BIL-LISAN PENDAKWAH BEBAS DI INSTAGRAM MELALUI VIDEO PENDEK

[SPEAKING STYLE OF FREELANCE PREACHERS ON INSTAGRAM THROUGH SHORT VIDEOS]

MUHAMMAD YUZRYSHAH OTHMAN^{1*}
MOHAMAD ZULKIFLI ABDUL GHANI¹
WAN HILMI WAN ABDULLAH²
ABDUL QAHAR IBRAHIM³

¹Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan, Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

²Pusat Kajian Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan, Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia.

³Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding Author: zulghani@ukm.edu.my

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Ramai pendakwah mahupun pengguna media sosial memanfaatkan platform media sosial iaitu Facebook, Instagram dan TikTok untuk menyebarkan dakwah dan untuk tujuan bersosial. Pendekatan dakwah bil-lisan menjadi satu elemen yang penting dalam uslub penyampaian dakwah oleh pendakwah melalui video pendek. Dakwah bil-lisan merupakan satu pendekatan yang sering digunakan oleh pendakwah untuk memudahkan komunikasi antara pendakwah dan juga masyarakat. Pelbagai permasalahan yang pernah berlaku dalam gaya penyampaian dakwah oleh pendakwah seperti penggunaan bahasa yang tidak betul, mengelirukan masyarakat dengan ilmu yang mereka sendiri tidak mengetahuinya dan sebagainya. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dakwah bil-lisan pendakwah bebas di Instagram melalui video pendek. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengadakan sesi temu bual bersama tiga orang informan yang telah dipilih. Penganalisisan data dilakukan dengan menggunakan pendekatan analisis tematik. Dapatan kajian dari kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah bil-lisan lebih efektif disampaikan melalui video pendek, pendekatan dakwah bil-lisan yang digunakan oleh pendakwah dalam video pendek dan pendekatan video pendek berkesan untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat. Pendekatan dakwah yang sering digunakan oleh pendakwah adalah dengan menggunakan intonasi yang betul, menggunakan bahasa yang tegas dan lembut, menggunakan bahasa pujukan dan ajakan dan sebagainya. Justeru itu, kajian ini perlu diteruskan bagi menjamin keberlangsungan kegiatan dakwah supaya sentiasa berkembang dan diterima baik oleh masyarakat.

Kata Kunci: pendakwah bebas, dakwah bi al-Lisan, video pendek, instagram, bahasa dakwah.

Abstract

Many preachers and social media users take advantage of social media platforms such as Facebook, Instagram and TikTok to spread preaching and for socializing purposes. The oral da'wah approach becomes an important element in the method of da'wah delivery by preachers through short videos. Verbal preaching is an approach often used by preachers to facilitate communication between preachers and the community. Various problems that have occurred in the preaching style by preachers such as the use of incorrect language, confusing the community with knowledge that they themselves do not know and so on. Therefore, the objective of this study is to study the preaching of independent preachers on Instagram through short videos. This study uses a qualitative method by holding an interview session with three selected informants. Data analysis was done using a thematic analysis approach. The research findings from this study found that the oral preaching approach is more effective delivered through short videos, the oral preaching approach used by preachers in short videos and the short video approach is effective in spreading preaching to the community. The preaching approach often used by preachers is to use the right intonation, use firm and soft language, use the language of persuasion and invitation and so on. Therefore, this study needs to be continued to ensure the continuity of preaching activities so that they can always grow and be well received by the community.

Keywords: freelance preacher, dakwah bi al-Lisan, short video, instagram, dakwah language.

Cite as: Muhammad Yuzryshah Othman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Wan Hilmi Wan Abdullah & Abdul Qahhar Ibrahim. 2022. Gaya Dakwah Bil-Lisan Pendakwah Bebas di Instagram Melalui Video Pendek [Speaking Style of Freelance Preachers on Instagram Through Short Videos]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 273-287.

PENDAHULUAN

Dakwah dengan lisan merupakan antara metode dakwah yang sering digunakan oleh para pendakwah kerana merupakan suatu teknik asas dalam penyampaian mesej-mesej dakwah (Zaydan, 2000). Bahasa mempunyai peranan besar dalam mengendalikan tingkah laku manusia yang dapat digunakan untuk mengawal manusia menjadi tertawa, menangis, sedih, marah dan sebagainya. Bahasa turut digunakan untuk memasukkan gagasan-gagasan baru ke dalam pemikiran manusia. Kesalahan-kesalahan dalam penggunaan bahasa boleh membawa kepada kurangnya keberkesanan usaha dakwah itu sendiri. Perkataan yang sama belum tentu sesuai untuk semua kalangan sasaran dakwah kerana perbezaan latar belakang *mad'u* yang menuntut ungkapan yang sesuai bagi setiap golongan *mad'u* tersebut.

Selain itu, dakwah melalui lisan juga dapat diertikan sebagai pendekatan dakwah yang melibatkan interaksi melalui ceramah atau apa-apa sahaja bentuk komunikasi antara pendakwah dan masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung (Ajib Ismail, 2019). Dakwah mempunyai perkaitan dengan komunikasi dan dikenali sebagai komunikasi dakwah atau komunikasi Islam (Zulkefli & S. Salahudin, 2012). Media sosial merupakan medium yang tepat sebagai sarana dalam penyebaran dakwah Islam dan persediaan awal dalam menghadapi Ghoswul Fikr iaitu perang pemikiran yang disebar oleh golongan anti-Islam (Noradilah, Najmi & Sani, 2019). Justeru, masyarakat Islam boleh memanfaatkan media sosial dan platform

teknologi yang lain untuk menyampaikan dakwah terutama penggunaan Instagram kerana ia mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat terutama golongan remaja.

DAKWAH BI AL-LISAN

Terdapat segelintir pendakwah telah menyama ratakan penggunaan perkataan dan bahasa terhadap semua *mad'u* dan asyik memikirkan berkaitan mesej yang disampaikan dan terlupa untuk mengambil kira latar belakang pendidikan, usia, status dan budaya golongan *mad'u* (Muhammad Isa Anshari, 1979). Terdapat istilah-istilah yang harus diketahui oleh seorang pendakwah ketika akan menyampaikan dakwah dengan lisannya. Ahmad Mubarak (1999) menyebut istilah-istilah tersebut dengan 'bahasa dakwah'.

Pertama, *qawlan layyina* yang membawa maksud kata-kata yang lemah lembut, iaitu dakwah yang disampaikan dengan kata-kata yang dirasakan *mad'u* sebagai sentuhan yang halus, tanpa menyentuh atau menyinggung perasaannya. *Qawlan layyina* ini sesuai digunakan kepada *mad'u* yang memiliki nafs jenis amarah, terutama seorang *mad'u* yang *takabbur* dan zalim. Sebagai contoh *qawlan layyina* ialah dalam surah Taha, surah 20 ayat ke 44 yang bermaksud, "Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".

Kedua, *qawlan baligha* yang membawa maksud bentuk kata yang dapat memberi kesan pada jiwa *mad'u*. Ahmad Mubarak memberikan pengertian dengan kalimah yang tajam, pedas dan benar. *Qawlan baligha* ini dipandang sesuai untuk *mad'u munafiq* dan orang-orang yang dapat dipengaruhi oleh orang *munafiq*. Sebagai contoh dari *qawlan baligha* ialah dalam surah an-Nisa, surah ke 4 ayat ke 63 yang bermaksud, "Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka".

Ketiga, *qawlan maysura* iaitu perkataan yang mudah diterima dan cepat didengar. Bahasa dakwah ini sesuai untuk *mad'u* yang memerlukan bantuan disebabkan kerana kemiskinan atau kepentingan lain. *Mad'u* yang berada dalam keadaan seperti ini tidak boleh mendengar perkataan rahsia sebab akan menimbulkan persepsi negatif dan boleh menimbulkan reaksi yang salah. *Qawlan maysura* berfungsi untuk mengendalikan *mad'u* daripada melakukan perbuatan kufur. Sebagai contoh *qawlan maysura* ialah Firman Allah dalam surah al-Isra', surah 17 ayat 28 yang bermaksud, "Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka, kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu tang engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati".

Keempat, *qawlan karima* dapat diertikan dengan perkataan mudah, lembut dan penuh kebajikan. Bahasa dakwah ini sesuai digunakan kepada *mad'u* yang telah lanjut usia. Tingkah laku orang tua tidak mudah untuk diubah dan golongan ini sukar untuk menerima teguran keras kerana lemahnya kemampuan respons psikologi yang disebabkan faktor umur. Sebagai contoh dari kata *qawlan karima* ialah firman Allah 18 SWT dalam surah al-Isra' surah 17, ayat ke 23 yang bermaksud, "...janganlah kamu mengatakan "ah" kepada mereka (orang tua), jangan pula kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia!"

Kelima, *qawlan sadida* membawa maksud perkataan yang lurus dan benar yang ditujukan kepada sasaran dakwah. Mesej dakwah secara psikologi akan menyentuh hati *mad'u*

ketika mesej dakwah itu disampaikan secara logik. Dakwah dalam bentuk ini lebih menekankan pengertiannya pada penyelenggaraan dakwah dengan pendekatan-pendekatan logik akal. Pendekatan ini sesuai untuk mereka yang memiliki kemampuan berfikir logik dan kritis. Contoh *qawlan sadida* ialah firman Allah SWT dalam surah an-Nisa, surah ke 4 ayat ke 9 yang bermaksud, “Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim) oleh orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)”. Keenam, *qawlan ma' rufa* iaitu membawa maksud perkataan yang baik. Dalam al-Quran, ungkapan *qawlan ma' rufa*. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 263):

﴿قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَعْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَّدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذَى وَاللَّهُ عَنِّي حَلِيمٌ﴾

Maksudnya: “Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan memaafkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati dan (ingatlah) Allah SWT Maha Kaya, lagi Maha Penyabar”

(Al-Qur'an, al-Baqarah, 2: 263)

Jalaluddin Rahmat (1992) menjelaskan bahawa ayat 263 daripada surah al-Baqarah, *qawlan ma'rufa* merupakan pembicaraan yang bermanfaat, memberi pengetahuan, mencerahkan pemikiran, menunjukkan pemecahan kesulitan. Sebagai contoh daripada *qawlan ma'rufa* ialah firman Allah SWT dalam surah an-Nisa, surah ke 4 ayat 5 yang 19 bermaksud, “Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”.

PENGUNAAN BAHASA DAKWAH DALAM PENYAMPAIAN DAKWAH

Apabila seseorang tidak mampu untuk memberi bantuan kepada orang yang lemah dalam bentuk material, maka memadailah dengan bantuan psikologi. Dakwah melalui lisan tidak terhad hanya pada ceramah yang melibatkan peserta dalam jumlah yang besar. Akan tetapi perbincangan seseorang dengan individu lain dengan maksud ingin merubah seseorang *mad'u* dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik dan diredai Allah SWT, juga menjadi sebahagian dari dakwah yang berkesan (Ali Abd al-Halim, 1994). Bahasa dakwah penting untuk diketahui oleh setiap pendakwah supaya mesej dakwah yang disampaikan mudah difahami dengan baik.

Di samping bahasa dakwah, seorang pendakwah harus bijaksana dalam menentukan tajuk yang akan disampaikan kepada sasaran dakwah, haruslah sesuai dengan keperluan masyarakat setempat dan metode yang digunakan bersesuaian dengan kefahaman mereka (Ali Mustafa Yakub, 1997). Bahasa memainkan peranan penting kerana ia boleh mempengaruhi

perasaan dan pemikiran *mad'u* ke arah melakukan kebaikan, mencegah daripada melakukan kemungkaran serta mendekatkan diri ke arah keimanan kepada Allah SWT.

Dakwah melalui kesenian dan hiburan merupakan salah satu medium dakwah yang sangat diminati pada hari ini. Kesenian merupakan sebahagian daripada kehidupan umat manusia. Secara umumnya seni merujuk kepada keindahan sama ada ianya bersifat fizikal seperti lukisan atau arca tampak ataupun yang agak bersifat abstrak seperti puisi atau syair. Seni juga merupakan ekspresi manusia terhadap alam, rakaman pengalaman hidup yang dilalui, gambaran suka duka, sanjungan atau pujian terhadap sesuatu mahupun manifesto kebencian kepada sesuatu perkara (Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh, 2007).

Dengan kata lain, seni tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia. Islam sendiri sentiasa meraikan kecenderungan dan minat manusia dan tidak dinafikan keperluan seni pada diri manusia. Seorang guru yang sentiasa berfikir positif boleh menggunakan seni sebagai alat untuk menggerakkan dakwah Islamiah kepada masyarakat dengan syarat tidak melampaui batas seperti yang dibataskan dalam syariat. Seni boleh dijadikan medium dakwah kepada masyarakat multi etnik seperti menterjemahkan lagu-lagu nasyid yang mengandungi unsur-unsur akidah yang sahih. Al-Qaradawi (1980) menulis buku *al-Islam wal-Fanni* (Islam dan Kesenian) dalam kerangka mempertahankan Islam dan golongan dakwah yang dituduh ingin merubah kehidupan manusia kepada perkara-perkara haram.

Menurut Basri Ibrahim (2011) menjelaskan antara perkara yang banyak diucapkan kepada para pendakwah yang menyeru ke arah penyelesaian secara Islam, ialah para pendakwah menyeru orang ramai ke arah kehidupan yang mengharamkan senyuman di bibir mulut, kegembiraan di dalam hati, menggunakan perhiasan dan menikmati panorama kecantikan alam maya dengan kepelbagaian bentuknya menurut Al-Qaradawi (1980) membincangkan permasalahan ini secara terperinci dalam kitabnya *al-Halāl wa al-Haram fi al-Islam*, kitab *Fatāwa Mu'asirah* Juz 1 dan 2 (khususnya yang ke-2) dan kitab *Malamih al-Mujtama' al-Muslim* di bawah tajuk *al-Lahw wa al-Fann* (Hiburan dan Kesenian).

METODOLOGI

Metodologi kajian adalah satu kaedah atau metode yang perlu ada dalam sesuatu kajian. metodologi kajian memberi maksud cara atau kaedah bagi mendapatkan pengetahuan tentang sesuatu subjek yang dikaji. Menurut Sulaiman Masri (2003), reka bentuk kajian ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan itu akan dijalankan bagi menemukan jawapan kepada permasalahan kajian.

Kajian ini ialah kajian berbentuk penerokaan untuk mendapat penjelasan mendalam tentang subjek yang dikaji. Oleh itu, dari segi perlaksanaan, kajian ini mengambil pendekatan atau kaedah kualitatif. Menurut Creswell (2008), penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiri bagi memahami masalah dengan menyeluruh melalui penelitian terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan, manuskrip dan komunikasi yang terpilih melalui media cetak, gambar dan visual penyiaran. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini adalah dengan cara analisis kandungan bagi mendapatkan data dalam menjawab persoalan kajian.

Daripada segi kriteria pemilihan sampel, kajian ini memilih sampel yang terdiri daripada pendakwah bebas yang mempunyai latar belakang pekerjaan yang pelbagai, pelbagai lingkungan umur dan aktif di berdakwah di Instagram. Mereka dipilih untuk mendapatkan

maklumat berkaitan tajuk kajian. Jumlah keseluruhan sampel kajian ialah seramai 3 orang. Pemilihan sampel ini ialah menggunakan persampelan bertujuan, prosedur persampelan ini menghendaki pengkaji menetapkan ciri-ciri tertentu yang hendak dipilih sebagai peserta kajian. Antara ciri peserta kajian ialah pendakwah bebas yang mempunyai jumlah pengikut melebihi 10 ribu pengikut. Kedua ialah video pendek yang mempunyai unsur dakwah di dalam isi kandungannya. Ketiga ialah video pendek yang dimuat naik pada tahun 2019 dan 2020. Keempat ialah video pendek yang mendapat jumlah tontonan sebanyak 10,000 tontonan dan ke atas sahaja. Kelima ialah durasi video pendek tidak melebihi 10 minit. Tindakan ini sekali gus dapat mengetepikan elemen-elemen dalam populasi yang tidak memiliki ciri-ciri yang dikehendaki dari dipilih sebagai peserta kajian. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan adalah kerana menetap dan mengutamakan ciri-ciri tertentu yang dipilih sebagai peserta kajian.

Seterusnya, proses transkrip atau menyalin adalah langkah pertama dalam proses penganalisan data. Proses ini dilakukan secara menyeluruh tanpa meninggalkan apa juga yang didengar dan diperhatikan. Setelah proses transkripsi selesai, pengkaji menyusun data mengikut bahagian yang senang untuk digunakan semula. Tujuannya adalah bagi mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan Pendekatan dakwah bil-lisan pendakwah bebas di Instagram melalui video pendek.

Data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif. Kaedah analisis data adalah analisis tematik (*thematic analysis*) dengan menggunakan satu helaian pengekodan (*coding sheet*) dibuat untuk merekodkan kandungan video yang telah dipilih (Marzni et al 2018). Melalui kaedah ini, kajian dapat membuat pengumpulan data dengan lebih berkesan. Sebelum pengekodan dibina, tiga video tersebut telah ditonton beberapa kali untuk mencatat beberapa nota penting yang berkaitan untuk mengkategorikan tema yang terdapat dalam video dakwah yang ingin dikaji.

PERBINCANGAN

Pendekatan Video Pendek di Instagram

Pendekatan dakwah merupakan elemen terpenting dalam dakwah. Pendekatan dakwah menurut bahasa dapat diertikan sebagai jalan, arah tuju, aliran pemikiran dan berbagai bentuk kepandaian. Manakala, dari sudut istilah pula, Pendekatan dakwah menjurus kepada penggunaan bahasa dalam berbagai gaya dan bentuk bagi memudahkan dan mendekatkan kefahaman yang hendak disampaikan kepada sasaran agar dapat difahami dan diterima dengan mudah. (Syed Abdurahman, 1996). Menurut al-Sayyid Nawfal (1977) pula, pendekatan dakwah dengan makna khusus ialah menyampaikan pengertian, pemikiran dan asas hukum-hukum (mesej dakwah) dengan ibarat dan bentuk yang tertentu. Daripada pengertian bahasa dan istilah dapat diertikan pendekatan dakwah sebagai kebijaksanaan dalam mengolah dan menyampaikan isi dakwah sesuai dengan keadaan sasaran dakwah dengan cara yang menarik agar dapat difahami dan diterima dengan mudah. Dalam bahasa yang mudah difahami, pendekatan dakwah ialah yang membawa erti cara dan pengertiannya bersamaan dengan pendekatan.

Seterusnya, jika dilihat kepada kepesatan pembangunan teknologi maklumat pada masa kini, para pendakwah perlu menguasai pendekatan dakwah yang paling berkesan bagi menarik

minat mad'u untuk menerima segala ilmu dan juga mesej dakwah yang disampaikan. Oleh yang demikian, pendakwah hendaklah memikirkan pendekatan dakwah yang berkesan bagi merealisasikan matlamat dakwah itu sendiri. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa laman Instagram merupakan satu platform yang terbaik bagi menyebarkan dakwah terutamanya melalui saluran video pendek.

Menurut Khayr Ramadan Yusuf (1993) menyatakan pendekatan dakwah merupakan unsur yang penting dan berperanan besar dalam memberi kesan kepada sasaran sehingga dapat membawa kejayaan dakwah. Pendekatan dakwah menentukan kejayaan dan kegagalan 24 sesebuah usaha dakwah yang dilakukan. Ia ibarat kunci yang membolehkan pendakwah membuka pintu hati dan akal sasaran dakwah. Selanjutnya, pendekatan dakwah melalui video pendek di Instagram dilihat mampu menarik minat mad'u pada masa kini. Ini kerana mad'u lebih banyak menghabiskan masa mereka untuk menggunakan laman Instagram berbanding melakukan perkara yang lain. Oleh itu, saluran inilah yang perlu dititikberatkan oleh pendakwah bagi mempergiatkan penghasilan mesej-0mesej dakwah dengan lebih kreatif.

Menurut Abd al-Aziz Barghus (2005) pula, pendekatan dakwah memberi pertolongan dan menjamin kehendak asas pendakwah. Dengan cara dan pendekatan yang betul, para pendakwah dapat memastikan apa yang diperlukan dan dikehendaki oleh sasaran dakwah dan seterusnya tidak menyiakan tenaga pendakwah dalam menyampaikan dakwah. Pendekatan dan cara yang betul dapat mempengaruhi sasaran. Sesuatu pengajaran walaupun baik, susah untuk diterima oleh sasaran jika cara penyampaianya tidak betul (Ab. Aziz 1991). Di samping itu, video pendek yang dihasilkan oleh pendakwah ini juga secara tidak langsung akan menyebabkan mad'u akan mudah untuk mencari maklumat berkaitan keagamaan dan sebagainya. Ini kerana masyarakat pada zaman kini lebih berminat untuk melihat berbanding membaca. Oleh itu video pendek ini merupakan satu pendekatan yang relevan untuk menarik minat golongan masyarakat pada masa kini.

Zaidan (1993) menjelaskan dengan mengumpamakan pendakwah dengan doktor, pendekatan dakwah dengan cara rawatan, isi dakwah dengan ubat untuk menyembuhkan penyakit dan sasaran dengan pesakit. Perumpamaan ini menunjukkan bahawa cara dan pendekatan yang digunakan amat penting untuk diketahui terlebih dahulu sebelum membentangkan isi dakwah kepada mad'u sebagaimana yang dilakukan oleh doktor dalam merawat penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Tersilap cara dan pendekatan dakwah membawa natijah yang buruk kepada sasaran mahupun pendakwah. Untuk memastikan pelaksanaan pendekatan dakwah kepada sasaran ini berjaya, Quttub (1994) telah menjelaskan hal tersebut iaitu melihatkan suasana persekitaran dan keadaan sasaran dakwah. Maklumat-maklumat yang hendak disampaikan perlu mengikut kadar kemampuan sasaran atau mad'u sehingga tidak membebankan mereka 25 dan tidak menyusahkan mereka dengan paksaan sebelum mereka bersedia. Pendakwah hendaklah mahir dalam mengaplikasikan pendekatan dakwah bil-lisan melalui video pendek di Instagram bagi memudahkan mad'u untuk menerima dakwah yang disampaikan. Sesuatu dakwah itu tidak akan praktikal sekiranya pendakwah cuba menyamakan antara orang jahil dengan yang berilmu pengetahuan dalam bentuk pemikiran yang diajukan, begitu juga gaya penyampaian yang digunakan kerana deria tanggapan dan daya fikir yang dimiliki oleh setiap kumpulan manusia berbeza (Syed Abdurahman, 1996). Selain itu, dalam sesetengah keadaan pendakwah dituntut untuk menyampaikan dakwah dengan bersemangat sedangkan dalam waktu lain perlu kepada keadaan tenang dan santai.

Dalam keadaan yang lain memerlukan pendakwah menyampaikan dakwahnya dengan terperinci manakala pada waktu lain memadai dengan hanya membentangkan dakwah secara kasar sahaja. Ringkasnya dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan dakwah melalui video pendek di Instagram yang mengaplikasikan dakwah bil-lisan menuntut para pendakwah agar mempunyai ilmu, kebijaksanaan, keadilan, kesabaran, kefahaman, sifat lemah lembut dan pengalaman sebagai asas dalam membuat sesuatu keputusan yang tepat dan bersesuaian mengikut masa dan keadaan. Justeru, hati mad'u dapat ditawan oleh pendakwah dengan mudah seterusnya dapat mempengaruhi mereka untuk menerima dakwah yang disampaikan.

HASIL KAJIAN

Sepanjang pengkaji menjalankan temu bual bersama informan, soalan yang digunakan adalah berkaitan dakwah bil-lisan pendakwah bebas di Instagram melalui video pendek. Berikutan kemajuan teknologi yang dicapai pada zaman kini, pelbagai platform untuk menyebarkan dakwah telah wujud. Disebabkan itu, para pendakwah hendaklah mengambil perkara tersebut sebagai satu peluang untuk menyebarkan gerak kerja dakwah. Antara platform yang telah wujud ialah melalui laman sosial Instagram. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji berkaitan kaedah yang berkesan untuk menarik minat masyarakat untuk menerima mesej dakwah terutamanya melalui video pendek. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, beberapa soalan telah disediakan dan kesemua soalan telah dijawab oleh 3 orang informan, jawapan mereka adalah seperti berikut.

a. Menarik Minat Mad'u

Sesuatu mesej dakwah yang disampaikan walaupun baik, susah untuk diterima oleh mad'u jika strategi dan cara penyampaiannya tidak betul (Ab. Aziz, 1991). Menurut I1, pendakwah pada masa kini perlu bijak untuk menarik minat orang ramai dengan mewujudkan strategi yang betul dan tepat untuk berdakwah. Kenyataan informan pertama adalah seperti berikut:

“Dan kena pula dengan zaman Dunia generasi Z ni, orang suka tengok video pendek-pendek. Kalau video panjang orang boring. Betul Saya cakap. Orang akan boring. Sebab tu para pendakwah ni kena bijak buat strategi macam mana mereka nak tarik hati mad'u untuk jatuh cinta dengan Islam. Buat video pendek, menarik, isi yang padat dan “informative” lah. Dengan cara ni lah kita dapat tarik minat dorang untuk jatuh cinta dengan Islam.”

Menurut I2 juga menyatakan bahawa dakwah bil-lisan mampu mengajak masyarakat ke arah yang lebih dan menjauhi kemungkaran. Kenyataan informan kedua adalah seperti berikut:

“Maka daripada situ, pendakwah akan memperoleh manfaat yang bukan sahaja manfaat pahala akan tetapi manfaat dapat mengajak masyarakat ke arah kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.”

I3 juga berpendapat bahawa pendekatan dakwah bil-lisan ini akan menarik perhatian masyarakat untuk menerima dakwah. Kenyataan informan ketiga adalah seperti berikut:

“Pada pendapat saya medium ini memberi manfaat bagi pendakwah untuk menarik perhatian masyarakat menerima dakwah yang ingin disampaikan.”

Kesimpulannya, ketiga-tiga informan berpendapat bahawa dakwah bil-lisan adalah pendekatan yang berkesan bagi menarik minat mad'u untuk mendekati kebenaran dan menjauhi kemungkaran.

b. Selari dengan Kehendak Masyarakat

Menurut Ruzain (2011), pendekatan dakwah haruslah mengikut keperluan zaman dan sesuai dengan kemampuan masyarakat. Melalui pendekatan ini, dakwah tidak akan ketinggalan zaman dan sentiasa segar dengan kaedah baru dalam masyarakat. Menurut I1 masyarakat pada masa kini lebih berminat untuk melihat video-video pendek. Kenyataan informan pertama adalah seperti berikut:

“Dan kena pulak dengan zaman Dunia generasi Z ni, orang suka tengok video pendek-pendek. Kalau video panjang orang boring.”

Menurut I2, para pendakwah pada masa kini perlu untuk memikirkan cara yang bertepatan dengan kehendak masyarakat supaya selari dengan minat mereka. Menurut kenyataan informan kedua adalah seperti berikut:

“Apabila anak muda ramai tertumpu dengan Instagram, para pendakwah perlu mengambil tempat atau menjerumuskan diri ke dalam Instagram dengan membuat “post-post” yang mengajak kepada agama, ilmu pengetahuan, perkara yang baik dan sebagainya disebabkan telah menjadi tanggungjawab pendakwah supaya kandungan-kandungan yang tidak baik di dalam Instagram dapat dikurangkan. Maka daripada situ, pendakwah akan memperoleh manfaat yang bukan sahaja manfaat pahala akan tetapi manfaat dapat mengajak masyarakat ke arah kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.”

Manakala menurut I3 pula menyatakan bahawa kaedah dakwah bil-lisan melalui video pendek ini lebih diminati oleh golongan masyarakat kerana beliau berpendapat bahawa masyarakat pada hari ini lebih suka melihat video berbanding membaca. Menurut kenyataan informan ketiga adalah seperti berikut:

“Dalam aspek dakwah penggunaan video pendek dalam Instagram ini sangat membantu kerana antara medium yang sangat dekat dengan mad'u. Masyarakat masa kini juga kurang minat dalam pembacaan perkara ilmiah dan lebih cenderung untuk mendengar serta melihat sesuatu berbentuk video. Pada

pendapat saya, medium ini memberi manfaat bagi pendakwah untuk menarik perhatian masyarakat menerima dakwah yang ingin disampaikan.”

Natijahnya, ketiga-tiga informan menyetujui bahawa dakwah bil-lisan melalui video pendek merupakan satu pendekatan yang diminati oleh sasaran dakwah kerana cara penyampaian dan saluran yang digunakan adalah bertepatan dengan minat masyarakat pada masa kini.

c. Menguasai Pelbagai Bahasa

Ghazali (2007) berpendapat bahawa pendakwah hendaklah menggunakan pendekatan yang bijak dan berkemahiran dalam menjayakan proses komunikasi yang berkesan. Menurut I1 menyatakan bahawa para pendakwah hendaklah mahir dalam menguasai pelbagai bahasa dan menggunakan penggunaan bahasa yang betul supaya pemahaman mad'u terhadap mesej dakwah yang disampaikan tidak berlaku kekeliruan. Kenyataan informan adalah seperti berikut:

“Bahasa ni pentinglah. Sebabnya mad'u kita ni tahap pemahaman mereka berbeza-beza. Tak semua sama. Ada yang kita cakap biasa pun dah faham. Ada juga yang tak faham. Ada juga yang kena cakap bahasa baku baru nak faham.”

Menurut I2 pula, pendakwah perlu menguasai pelbagai bahasa asing supaya ilmu yang disampaikan kepada masyarakat luar akan diterima baik. Kenyataan informan kedua adalah seperti berikut:

“Jika pendakwah tersebut datang daripada negara lain yang menggunakan bahasa yang sukar untuk difahami maka menjadi tanggungjawab kepada penterjemah untuk menterjemahkan setiap apa yang disampaikan supaya ilmu yang hendak disampaikan tersebut dapat diterima baik.”

Menurut I3 pula, beliau menyatakan bahasa menguasai pelbagai bahasa ini penting bagi memperoleh kepercayaan dan menyebabkan sasaran dakwah menerima mesej dakwah yang disampaikan. Kenyataan informan ketiga adalah seperti berikut:

“Jika penggunaan bahasa yang kurang tepat boleh menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan dan tidak mahu menerima apa yang disampaikan.”

Ketiga-tiga informan menyetujui bahawa para pendakwah hendaklah menguasai dan berkemahiran untuk bertutur dengan baik supaya setiap mesej yang disampaikan kepada sasaran dakwah akan lebih berkesan.

d. Menggunakan Penggunaan Bahasa yang Betul dan Mudah.

Sesuatu dakwah itu tidak akan praktikal sekiranya pendakwah cuba menyamakan antara orang jahil dengan yang berilmu pengetahuan dalam bentuk pemikiran yang diajukan, begitu juga

gaya penyampaian yang digunakan kerana deria tanggapan dan daya fikir yang dimiliki oleh setiap kumpulan manusia berbeza (Syed Abdurahman, 1996). I2 menyatakan pendapat yang hampir sama dengan informan yang lain bahawa para pendakwah perlu mengaplikasikan penggunaan bahasa yang betul dan mudah supaya mesej dakwah yang disampaikan mudah untuk diterima oleh masyarakat. Menurut kenyataan informan yang kedua ialah:

“Penggunaan bahasa yang betul dan mudah untuk difahami perlu diaplikasikan dalam penyampaian dakwah supaya mad'u dapat memahami setiap apa yang diceritakan, disampaikan dan diuraikan kepada mereka. Perkara ini amat penting untuk mengelak berlakunya salah faham dalam kalangan mad'u.”

Manakala menurut I3 juga turut menyatakan pendapat yang sama bahawa para pendakwah merupakan golongan yang mempunyai pengaruh yang besar dan perlu menggunakan penggunaan bahasa yang betul bagi mengelakkan salah faham.

“Penggunaan bahasa yang betul sangat penting bagi mengelakkan masyarakat daripada salah faham dalam memahami ilmu yang disampaikan. Seorang pendakwah juga merupakan salah satu golongan yang berpengaruh dan dicontohi oleh masyarakat. Jika penggunaan bahasa yang kurang tepat boleh menyebabkan masyarakat hilang kepercayaan dan tidak mahu menerima apa yang disampaikan.”

Kesimpulannya, informan 2 dan informan 3 berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang betul dan mudah amat penting bagi mengelakkan salah faham dan juga kekeliruan dalam kalangan sasaran dakwah.

e. Memberi Penjelasan dengan Jelas

Menurut Ghazali (2007), pendekatan dakwah melalui media berperanan penting dalam menyebarkan Islam dan menjelaskan kebenaran kepada orang ramai. I1 berpendapat bahawa dakwah bil-lisan merupakan pendekatan dakwah yang sesuai digunakan di dalam video pendek kerana lebih jelas dan berkesan terhadap mesej dakwah yang disampaikan. Kenyataan informan pertama adalah seperti berikut:

“Pada pendapat saya, kalau dakwah di media sosial ni sememangnya dakwah bil lisan ni lebih berkesan lah. Sebab berkaitan dengan ilmu-ilmu yang perlu diberi penjelasan secara jelas. Tapi kalau dakwah bil-hal ni macam dakwah kepada orang orang di sekitar kita lah. Macam family, jiran-jiran, kawan-kawan dan sebagainya. Jadi bil-lisan ni lebih berkesan pada pendapat saya.”

Menurut I2, beliau menyatakan bahawa perlu untuk memberi penjelasan yang jelas berkaitan sesuatu ilmu dengan menyatakan sumber-sumber yang sahih dan berautoriti. Kenyataan informan kedua adalah seperti berikut:

“Pendakwah yang menyampaikan tersebut perlu amanah dengan ilmu yang disampaikan iaitu dengan penuh adab dan menyatakan sumber-sumber yang berautoriti serta sesuai dengan konteks keadaan soalan. Perkara ini kerana wujudnya sesetengah masyarakat yang suka buat-buat tahu dalam bab agama. Jadi perkara ini perlu dielakkan.”

Menurut I3 pula, pendekatan dakwah yang jelas sangat penting untuk menyatakan fakta-fakta secara tersusun. Kenyataan informan ketiga adalah seperti berikut:

“Pada pendapat saya, dakwah bil lisan lebih berkesan kerana ianya suatu pendekatan yang jelas dengan menyatakan fakta-fakta secara tersusun dan mudah difahami oleh mad’u.”

Intihannya, ketiga-tiga informan berpendapat bahawa pendekatan dakwah billisan melalui video pendek ini dapat membantu pendakwah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan berkaitan keagamaan dengan lebih jelas dan mudah difahami.

f. Menerangkan Pengetahuan Agama dengan Lebih Baik

Media seperti saluran Instagram banyak membantu komunikasi dan sebaran maklumat di kalangan masyarakat, ia juga banyak membantu gerakan dakwah dalam sesuatu organisasi mahupun individu itu sendiri dalam memperjuangkan amanah Allah SWT di muka bumi (Najidah & Abu Dardaa, 2013). Menurut I1, dakwah bil-lisan lebih berkesan kerana pengetahuan agama dapat disampaikan dengan lebih jelas. Kenyataan informan pertama adalah seperti berikut:

“Pada pendapat saya, kalau dakwah di media sosial ni sememangnya dakwah bil lisan ni lebih berkesan lah. Sebab berkaitan dengan ilmu-ilmu yang perlu diberi penjelasan secara jelas.”

Menurut I2 pula, pendekatan dakwah bil-lisan merupakan pendekatan yang berkesan untuk memberi keterangan berkaitan sesuatu ilmu agama dan sebagainya. Kenyataan informan kedua adalah seperti berikut:

“Apabila menyentuh dakwah di Instagram, ada pendakwah yang membuat “content” lakonan tanpa suara dan ada juga membuat “content” dakwah dengan lisan. Kedua-duanya mendatangkan manfaat dan kebaikan bagi yang melihatnya selagi mana content tersebut tidak bercanggah dengan empat perkara iaitu al-Quran, hadis, ijmak ulama dan qias. Akan tetapi, dalam menerangkan tentang ilmu pengetahuan agama, dakwah secara lisan adalah lebih baik.”

Menurut I3 pula, beliau menyatakan bahawa pendekatan dakwah bil-lisan ini lebih berkesan kerana fakta-fakta dan pengetahuan agama yang disampaikan akan lebih tersusun. Kenyataan informan ketiga adalah seperti berikut:

“Pada pendapat saya, dakwah bil lisan lebih berkesan kerana ianya suatu pendekatan yang jelas dengan menyatakan fakta-fakta secara tersusun dan mudah difahami oleh mad’u.”

Kesimpulannya, ketiga-tiga informan berpendapat bahawa pendekatan dakwah bil-lisan melalui video pendek dapat membantu dalam memberi keterangan tentang keagamaan kepada mad’u dengan lebih mudah dan baik.

g. Pendekatan yang Jelas dalam Menyatakan Fakta-Fakta

Para pendakwah mestilah menyumbang kepada dakwah melalui pendekatan yang sesuai dan selaras dengan tahap golongan sasaran melalui saluran media supaya segala fakta-fakta yang disampaikan akan lebih jelas dan mudah disebabkan oleh populariti dan peranannya sebagai senjata yang mempunyai serampang dua mata (Badlihisam 2012). Menurut I2, pendakwah dilarang daripada berpura-pura tahu tentang sesuatu perkara yang tidak diketahui. Sebaliknya pendakwah perlulah menguatkan fakta-fakta dakwah yang ingin disampaikan dengan menyatakan sumber-sumber yang berautoriti. Kenyataan informan kedua adalah seperti berikut:

“Akan tetapi, pendakwah yang menyampaikan tersebut perlu amanah dengan ilmu yang disampaikan iaitu dengan penuh adab dan menyatakan sumber-sumber yang berautoriti serta sesuai dengan konteks keadaan soalan. Perkara ini kerana wujudnya sesetengah masyarakat yang suka buat-buat tahu dalam bab agama. Jadi perkara ini perlu dielakkan.”

I3 pula berpendapat bahawa pendekatan dakwah bil-lisan akan mudah memberi kefahaman kepada mad’u kerana pendekatan ini akan menyebabkan semua mesej dakwah yang disampaikan dapat disampaikan dengan tersusun dan mudah difahami. Kenyataan informan ketiga adalah seperti berikut:

“Pada pendapat saya, dakwah bil-lisan lebih berkesan kerana ianya suatu pendekatan yang jelas dengan menyatakan fakta-fakta secara tersusun dan mudah difahami oleh mad’u. Tidak dinafikan penggunaan kaedah dakwah bilhal juga memberi kesan penerimaan yang memberangsangkan namun akan ada maklum balas yang mengatakan kurang memahami apa yang ingin disampaikan sebenarnya.”

Natijahnya, informan 1 dan informan 2 bersetuju bahawa pendekatan dakwah bil-lisan melalui video pendek ini akan membantu dalam menyampaikan sesuatu fakta kepada mad’u dengan lebih berkesan.

KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan iaitu hasil daripada sesi temu bual. Sesi temu bual telah dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Zoom pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan oleh informan. Informan yang terlibat dalam kajian ini adalah tiga orang sahaja yang merupakan pendakwah bebas yang aktif dan ramai jumlah pengikut di Instagram. Terdapat tiga bahagian yang telah dijawab oleh responden mengenai dakwah bil-lisan melalui video pendek di Instagram. Pada bahagian pertama iaitu bahagian A adalah mengenai demografi informan yang merangkumi elemen nama, umur dan jumlah pengikut di Instagram. Setiap ciri-ciri demografi ini memberi kepentingan terhadap pengkaji bagi menilai hasil kajian dengan baik. Di samping itu, dalam bahagian yang pertama juga ditanyakan soalan kepada informan berkaitan persepsi pendakwah mengenai dakwah bil-lisan melalui video pendek di Instagram. Persoalan ini telah membuktikan bahawa dakwah bil-lisan efektif melalui video pendek. Hal ini kerana, kesemua informan telah memberikan beberapa pandangan yang membuktikan hal tersebut. Pengkaji telah mengelaskan pandangan mereka kepada beberapa tema seperti menarik minat mad'u, selari dengan kehendak masyarakat, perlu menguasai pelbagai bahasa, perlu menggunakan penggunaan bahasa yang betul dan mudah, memberi penjelasan dengan jelas, menerangkan pengetahuan agama dengan lebih baik dan dakwah bil-lisan merupakan pendekatan yang jelas dalam menyatakan fakta-fakta.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah dapatan bersumberkan geran “Pengambilkiraan Ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Al-Qur'an Al-Karim.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 1991. *Syhadah Ibadah Asabiah Dakwah*. Petaling Jaya: Tempo Publishing.
- Abd al-Aziz Barghus. 2005. *Manahij al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'addid alAdyan wa al-Ajnas*. Kuala Lumpur: Research Centre UIAM
- Abdul Wahab, Noradilah, Najmi Muhamad & Mohd Sani Ismail. 2019. Pengesahan Instrumen Pengukuran Masalah Disiplin Yang Berlaku Dalam Kalangan Pelajar Islam: Analisis Penerokaan Faktor (EFA). *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 20(3): 1-7.
- Ahmad Mubarak. 1999. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ajib Ismail. 2019. Dakwah lisan menerusi khutbah Jumaat. *Harian Metro*, 15 Oktober: 12.
- Ali 'Abd al-Halim. 1994. *Al-Mar'at al-Muslimat wa Fiqh al-Da'wah Ila Allah*. Misr: Dar al-Wafa' li al-Tiba' at.
- Ali Mustafa Yakub. 1997. *Sejarah dan Metodologi Dakwah Nabi*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Badlihissham Mohd Nasir. 2012. Islam dan Dakwah Dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu. *Jurnal Islamiyyat* 34: 5-12.

- Basri Ibrahim. 2011. *Metode Fatwa al-Qaradhawi dalam Menangani Isu-isu Semasa*. Selangor: al-Hidayah Publication.
- Cresswell, J. W. 2008. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Ghazali Sulaiman. 2007. *Media Komunikasi Islam*. Shah Alam: UITM.
- Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh. 2007. *Pemikiran Islam dan Isu-Isu Semasa*. Bangi: UKM.
- Jalaluddin Rahmat. 1992. *Islam Aktual*. Bandung: Rosda Karya.
- Muhammad Isa Anshari. 1979. *Mujahid Dakwah, Pembimbing, Muballigh Islam*. Bandung: Penerbit CV Dipanegara.
- Muhammad Khayr Ramadan Yusuf. 1993. *Al-Da'wah al-Islamiyyah al-Wasa'il wa al Asalib*. Riyad: Dar Tawiq.
- Najidah Zakariya & Abu Dardaa Mohamad. 2013. Media sebagai wasilah dakwah. *Jurnal Al-Hikmah* 5: 92-99.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abdullah. 1980. *Al-Islam wa al-Fann*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Quttub, Sayyid. 1994. *Fi Zilal al-Qur'an*. Birut: Dar al-Shuruq.
- Ruzain Syukor Mansor. 2011. *Dakwah Dan Teknologi Maklumat*. Putrajaya: Penerbit JAKIM.
- Sulaiman Masri. 2003. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Syed Abdurahman Hj. Syed Hussin. 1996. Uslub al-hikmah, al-mauizah al-hasanah dan mujadalah bi al-husna mengikut pandangan ulama. *Jurnal Usuluddin* 4: 49-70.
- Zaidan, Abdul Karim. 1993. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zaydan, Abd al-Karim. 2000. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zulkefli Aini & S. Salahudin Suyurno. 2012. *Asas Komunikasi Dakwah*. KUIS: Jabatan Dakwah Dan Pengurusan.
- .